

**Majlis Makan Malam Festival Bahasa Dan Sastera 2025
Ucapan Bagi Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan
Sekolah Menengah Cina Swasta Sarawak**

Tarikh : 8hb Julai 2025 (Selasa)
Masa : 8.00 pm
Tempat : Penview Hotel, Kuching

Terima kasih pengacara majlis.

Yang Berbahagia Encik Kuang Wei Hua
Penolong Setiausaha Agung, Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah
Cina Swasta Sarawak,

Yang Berusaha Dr. Azizul bin Haji Ismail
Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak,

Cik Hong Woan Ying,
Ketua Eksekutif Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Cina Swasta
Sarawak dan Ahli Jawatankuasa Persatuan,

Ahli jawatankuasa Festival Bahasa Dan Sastera 2025,
Pegawai-pegawai DBP cawangan Sarawak,
Hakim-hakim,
Pengetua-pengetua, guru-guru, semua pelajar yang dikasihi,
Serta para hadirin sekalian.

Selamat malam dan salam sejahtera.

1. Pada malam yang penuh keberkatan ini, saya, Jennifer Lim Hui Inn, Pengetua Sekolah Menengah Chung Hua No. 3, dengan segala hormatnya mewakili Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Cina Swasta Sarawak, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berusaha Dr. Azizul serta seluruh pasukan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak atas komitmen, dedikasi dan kepimpinan berwibawa dalam merealisasikan Festival Bahasa dan Sastera 2025.
2. Festival ini bukan sekadar sebuah acara tahunan, tetapi merupakan manifestasi komitmen kita bersama dalam memartabatkan bahasa kebangsaan, memperkasa sastera kebangsaan, serta memupuk kecintaan terhadap warisan budaya dalam kalangan generasi muda.
3. Bagi pihak persatuan, kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan yang tulus ikhlas kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kelancaran festival ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Sokongan, sumbangan dan kerjasama anda semua amat kami hargai dan menjadi asas penting kepada kejayaan pengajuran festival ini.

4. Hadirin yang dihormati, majlis makan malam pada malam ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah memainkan peranan penting sepanjang penganjuran festival ini. Ia juga menjadi wadah untuk kita bersama-sama meraikan pencapaian, mengiktiraf usaha dan menyemai semangat kebersamaan yang telah terjalin antara pelajar, guru, dan pihak penganjur.
5. Festival Bahasa dan Sastera 2025 bukan sekadar medan pertandingan, malah merupakan pentas bagi menyuarakan pemikiran, menyerlahkan bakat, serta menyuburkan semangat cinta akan budaya dan bahasa dalam kalangan generasi muda. Usaha gigih para pelajar dan guru pembimbing dalam membuat persiapan wajar diberikan setinggi-tinggi penghargaan. Semangat persahabatan yang terbina, kenangan yang indah, serta ilmu yang dikongsi akan terus mewarnai perjalanan hidup kita semua.
6. Sebagai penutup, kami melahirkan rasa syukur dan kegembiraan atas kejayaan penganjuran festival ini yang berlangsung dengan lancar dan bermakna. Kami percaya setiap pelajar yang terlibat telah memperoleh pengalaman yang berharga, bukan sahaja daripada aktiviti yang disertai, tetapi juga melalui interaksi dan pertukaran pandangan bersama rakan-rakan dari pelbagai sekolah.
7. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, yang bukan sahaja menjadi tulang belakang dalam penganjuran festival ini, tetapi juga sentiasa menjadi pendukung utama dalam memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan di bumi Kenyalang ini.
8. Tidak dilupakan, terima kasih juga kepada para guru pembimbing yang tanpa mengenal penat lelah membimbing pelajar-pelajar kita, serta semua pihak sekolah dan komuniti yang menyokong penuh pelibatan para pelajar
9. Semoga segala usaha ini menjadi pemangkin kepada kesinambungan kecemerlangan bahasa dan sastera tanah air, serta menyemarakkan lagi budaya ilmu, seni dan intelektual dalam kalangan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.